

Bil. S 24

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 3), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 6A dari Penggal 35
 3. Pindaan bab 41
 4. Pindaan bab 55B
 5. Pemasukan bab-bab 55D dan 55E baru
 6. Pindaan bab 86E
 7. Penggantian Bahagian XIVB
 8. Pindaan lanjut Akta itu
 9. Peruntukan perkecualian
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 3), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 3), 2017.

Pindaan bab 6A dari Penggal 35

2. Bab 6A dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam ceraiian (1), dalam perenggan (a), dengan memasukkan “, dan pemberian apa-apa maklumat kepada Pemungut di bawah bab 55B(3) atau 86L(1)” sejurus selepas “dokumen”;

(b) dalam ceraiian (3), dengan memasukkan “, atau memberikan apa-apa maklumat di bawah bab 86L(1),” sejurus selepas “dokumen”;

(c) dalam ceraiian (4), dengan memasukkan “, atau memberikan apa-apa maklumat kepada Pemungut,” sejurus selepas “dokumen”;

(d) dalam ceraiian (5) —

(i) dengan memasukkan “, atau apa-apa maklumat diberikan,” sejurus selepas “dikemukakan” dalam baris kedua;

(ii) dalam perenggan (a), dengan memotong “atau dikemukakan” dan menggantikannya dengan “, dikemukakan atau diberikan”;

(e) dalam ceraiian (6) —

(i) dengan memasukkan “, atau apa-apa maklumat diberikan,” sejurus selepas “dikemukakan” dalam baris kedua;

(ii) dengan memotong perenggan (a) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(a) penyata, anggaran, pernyataan, dokumen atau maklumat itu hendaklah, bagi maksud-maksud Akta ini, dianggap telah difailkan, dikemukakan atau diberikan oleh orang itu melainkan jika dia mengemukakan keterangan yang berlawanan; dan”;

- (iii) dalam perenggan (b), dengan memasukkan “atau memberikan maklumat,” dalam baris kedua;

(f) dalam cerai (8) —

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong “atau dokumen yang difailkan atau dikemukakan” dan menggantikannya dengan “, dokumen atau maklumat yang difailkan, dikemukakan atau diberikan”;
- (ii) dalam perenggan kecil (i), dengan memasukkan “, diberikan” sejurus selepas “dikemukakan” dalam baris kedua;

(g) dalam cerai (9) —

- (i) dalam perenggan (a), dengan memotong “atau dokumen yang telah difailkan atau dikemukakan” dan menggantikannya dengan “, dokumen atau maklumat yang telah difailkan, dikemukakan atau diberikan”;
- (ii) dengan memotong “atau dokumen itu telah difailkan atau dikemukakan” dari baris ketiga akhir dan menggantikannya dengan “, dokumen atau maklumat itu telah difailkan, dikemukakan atau diberikan”;

(h) dalam cerai (10), dalam perenggan (a) —

- (i) dengan memotong perenggan kecil (i) dan menggantikannya dengan perenggan kecil baru yang berikut —
 - “(i) mana-mana orang yang kod pengesahannya digunakan untuk memfailkan, mengemukakan, memberikan atau menyampaikan penyata, anggaran, pernyataan, dokumen, maklumat atau notis; dan”;
- (ii) dalam perenggan kecil (ii), dengan memasukkan “, maklumat” sejurus selepas “dokumen” dalam baris ketiga;

(i) dalam cerai (11), dengan memasukkan “, maklumat” sejurus selepas “dokumen” dalam baris kedua;

(j) dalam cerai (13), dalam perenggan (b), dengan memotong “atau dokumen yang difailkan atau dikemukakan” dan menggantikannya dengan “, dokumen atau maklumat yang difailkan, dikemukakan atau diberikan”.

Pindaan bab 41

3. Bab 41 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong tajuk bab dan menggantikannya dengan “Penyusunan berhubung dengan cukai dan perkara-perkara lain”;

(b) dalam cerai (1), dengan memotong perenggan (a) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“/a/ penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan —

(i) kerajaan mana-mana negara atau wilayah;

(ii) kerajaan-kerajaan dua atau lebih negara atau wilayah,

di luar Negara Brunei Darussalam berhubung dengan cukai di bawah Akta ini dan apa-apa cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah itu; dan”;

(c) dengan memasukkan sejurus selepas cerai (1) cerai baru yang berikut —

“(1A) Apa-apa penyusunan di bawah cerai (1)/a/ termasuk suatu triti pelbagai hala yang Negara Brunei Darussalam menjadi suatu Pihak, yang maksudnya termasuk pelepasan daripada cukai berganda dan pertukaran maklumat (sama ada atas permintaan oleh pihak berkuasa sesebuah negara atau wilayah kepada penyusunan itu, atau suatu pihak berkuasa bagi suatu Pihak kepada triti itu, atau selainnya).”.

Pindaan bab 55B

4. Bab 55B dari Akta itu adalah dipinda, dalam cerai (3) —

(a) dengan memasukkan “dengan notis” sejurus sebelum “menghendaki” dalam baris pertama;

(b) dengan memotong “atau bertulis” dari baris kedua pertama dan menggantikannya dengan “, bertulis atau melalui perkhidmatan elektronik”.

Pemasukan bab-bab 55D dan 55E baru

5. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 55C dua bab baru yang berikut —

“Notis bab 55B dikenakan tanpa menghiraukan kewajipan kerahsiaan di bawah undang-undang yang berkaitan

55D. (1) Bab ini dikenakan jika —

(a) Pemungut menghendaki apa-apa maklumat bagi pelaksanaan Akta ini, selain untuk suatu penyiasatan atau pendakwaan bagi suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan terhadap Akta ini;

(b) maklumat itu dilindungi daripada pendedahan yang tidak dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang yang berikut (dalam bab ini disebut sebagai undang-undang yang berkaitan) —

(i) bab 58 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006), termasuk apa-apa peraturan yang dibuat bagi maksud cerai (10) bab itu;

(ii) bab 58 dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008), termasuk apa-apa peraturan yang dibuat bagi maksud cerai (10) bab itu;

(iii) bab 18 dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000);

(iv) bab 35 dari Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000); dan

(c) Pemungut mengeluarkan suatu notis di bawah bab 55B(3) kepada seseorang untuk memberikan maklumat itu.

(2) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam bab 55B(2), seseorang yang dikeluarkan suatu notis yang disebut dalam cerai (1)/c/ tidak dikecualikan daripada memberikan maklumat itu hanya dengan sebab bahawa orang itu di bawah suatu kewajipan berkanun untuk mematuhi kerahsiaan di bawah suatu undang-undang yang berkaitan, dan notis itu hendaklah berkuat kuasa dengan tidak menghiraukan undang-undang yang berkaitan.

(3) Seseorang yang dengan suci hati mematuhi suatu notis yang disebut dalam cerai (1)/c/ tidak boleh disifatkan sebagai melanggar undang-undang yang berkaitan.

(4) Tiada tindakan kerana melanggar undang-undang yang berkaitan akan diambil pada orang yang disebut dalam cerai (3) —

(a) kerana mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa maklumat jika dia melakukannya dengan suci hati dengan mematuhi suatu notis yang disebut dalam cerai (1)/c/; atau

(b) kerana melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan jika dia melakukan atau tidak melakukan perbuatan itu dengan suci hati dan sebagai akibat mematuhi notis itu.

Pemberitahuan bab 55B mungkin tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan

55E. (1) Jika Pemungut mengeluarkan suatu notis kepada mana-mana orang di bawah bab 55B(3) dan menyatakan bahawa notis itu mesti disimpan secara sulit, orang itu (termasuk pegawai, pekerja atau ejen orang itu) tidak boleh mendedahkan apa-apa maklumat berhubung dengan notis itu kepada mana-mana orang lain.

(2) Cerai (1) tidak dikenakan kepada pendedahan apa-apa maklumat berkenaan dengan notis itu kepada peguambela dan peguamcara bagi maksud mendapatkan nasihat di sisi undang-undang mengenai notis itu, jika (dan hanya jika) orang yang mendedahkan maklumat itu memberitahu peguambela dan peguamcara mengenai kehendak Pemungut supaya notis itu disimpan secara sulit.

(3) Peguambela dan peguamcara yang kepadanya maklumat itu didedahkan menurut cerai (2) hendaklah tertakluk kepada cerai (1) seolah-olah dia adalah orang yang kepadanya notis di bawah cerai (1) itu dikeluarkan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, jika gagal membayar, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan.

(5) Pemungut boleh mengkompaun kesalahan di bawah cerai (4).

(6) Seseorang yang dengan suci hati mematuhi cerai (1) tidak boleh disifatkan sebagai melanggar apa-apa kewajipan untuk mendedahkan maklumat kepada mana-mana orang, sama ada dikenakan oleh undang-undang bertulis, kedaulatan undang-undang, apa-apa kontrak atau mana-mana aturan tindakan profesional; dan tiada tindakan jenayah atau sivil kerana melanggar kewajipan itu akan diambil terhadap orang yang mula-mula disebut itu.”.

Pindaan bab 86E

6. Bab 86E dari Akta itu adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (2) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(2) Maklumat yang disebut dalam cerai (1) adalah maklumat yang dilindungi daripada pendedahan yang tidak dibenarkan di bawah —

(a) bab 58 dari Perintah Perbankan, 2006 (S 45/2006), termasuk apa-apa peraturan yang dibuat bagi maksud cerai (10) bab itu;

(b) bab 58 dari Perintah Perbankan Islam, 2008 (S 96/2008), termasuk apa-apa peraturan yang dibuat bagi maksud cerai (10) bab itu;

(c) bab 18 dari Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000 (S 53/2000); atau

(d) bab 35 Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000).”.

Penggantian Bahagian XIVB

7. Bahagian XIVB dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Bahagian baru yang berikut —

“BAHAGIAN XIVB**PERJANJIAN ANTARABANGSA UNTUK MENINGKATKAN
PEMATUHAN CUKAI****Tafsiran Bahagian ini**

861. Dalam Bahagian ini —

“perjanjian pihak berkuasa yang layak” bermakna suatu perjanjian dua hala atau pelbagai hala untuk meningkatkan pematuhan cukai antarabangsa berdasarkan standard untuk pertukaran maklumat akaun kewangan secara automatik dalam perkara-perkara cukai yang dibangunkan oleh Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi;

“perjanjian pematuhan cukai antarabangsa” bermakna suatu perjanjian atau penyusunan yang diisytiharkan oleh Menteri, melalui suatu perintah di bawah bab 86K, sebagai suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa.

Tujuan Bahagian ini

86J. Tujuan Bahagian ini adalah untuk melaksanakan kewajipan Negara Brunei Darussalam di bawah suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa.

Perjanjian pematuhan cukai antarabangsa

86K. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah mengisytiharkan mana-mana yang berikut sebagai perjanjian pematuhan cukai antarabangsa bagi maksud-maksud Bahagian ini —

(a) perjanjian yang dicapai antara Kerajaan dan kerajaan mana-mana negara atau wilayah lain untuk memudahkan pematuhan oleh institusi kewangan dan orang lain di Negara Brunei Darussalam dengan Standard untuk Pertukaran Maklumat Akaun Kewangan secara Automatik dalam Perkara Cukai yang dikeluarkan oleh Pertubuhan bagi Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi dan sebagaimana yang dipinda dari masa ke semasa;

(b) suatu perjanjian pihak kuasa yang layak antara Kerajaan dan —

(i) kerajaan negara atau wilayah lain; atau

(ii) kerajaan-kerajaan dua atau lebih negara atau wilayah;

(c) apa-apa perjanjian yang diubahsuai atau menambah suatu perjanjian yang disebut dalam perenggan (a) atau (b);

(d) apa-apa perjanjian atau penyusunan lain antara Kerajaan dan —

(i) kerajaan negara atau wilayah lain; atau

(ii) kerajaan-kerajaan dua atau lebih negara atau wilayah,

yang membuat peruntukan bersamaan, atau hampir sama, dengan yang dibuat oleh perjanjian yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c).

(2) Suatu perintah di bawah cerai (1) hanya boleh berkuat kuasa pada atau selepas tarikh perjanjian atau penyusunan itu berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam.

Memberikan maklumat kepada Pemungut

86L. (1) Tertakluk kepada cerai (6), seseorang yang termasuk dalam apa-apa perihalan orang yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan (dalam bab ini disebut sebagai orang yang ditetapkan) hendaklah memberi Pemungut, atau orang lain sebagaimana yang mungkin diberi kuasa oleh Pemungut, maklumat suatu perihalan yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan itu.

(2) Maklumat di bawah cerai (1) hendaklah diberikan —

(a) pada masa dan kekerapan sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pemungut dalam apa-apa hal tertentu;

(b) dalam bentuk dan cara sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pemungut dalam apa-apa hal tertentu; dan

(c) dengan menggunakan perkhidmatan elektronik, kecuali jika Pemungut mungkin dalam apa-apa hal atau kelas hal tertentu membenarkan maklumat itu supaya diberikan dengan apa-apa cara lain.

(3) Seseorang yang ditetapkan tidak dikecualikan daripada memberikan maklumat hanya dengan sebab orang itu di bawah suatu kewajipan untuk tidak mengumpulkan, menggunakan atau mendedahkan maklumat itu, sama ada yang dikenakan oleh undang-undang bertulis, kedaulatan undang-undang, apa-apa kontrak atau apa-apa aturan tindakan profesional, berkaitan dengan maklumat itu.

(4) Seseorang yang ditetapkan yang dengan suci hati dan dengan ketelitian munasabah melakukan apa-apa perbuatan bagi maksud mematuhi cerai (1) tidak akan disifatkan sebagai melanggar mana-mana kewajipan yang disebut dalam cerai (2).

(5) Tiada tindakan sivil atau jenayah kerana suatu pelanggaran apa-apa kewajipan tersebut, selain suatu tindakan jenayah bagi suatu kesalahan di bawah bab 86M(3), akan diambil terhadap orang yang ditetapkan itu —

(a) untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa maklumat jika dia berbuat demikian dengan suci hati dan dengan ketelitian munasabah dalam mematuhi cerai (1); atau

(b) kerana melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan jika dia telah melakukan atau tidak melakukan perbuatan itu dengan suci hati dan dengan ketelitian munasabah dan bagi maksud, atau akibat dari, mematuhi cerai (1).

(6) Tanpa menghiraukan cerai (3), cerai (1) tidak dikenakan kepada apa-apa maklumat tertakluk kepada keistimewaan undang-undang.

Kesalahan

86M. (1) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, gagal atau mengabaikan untuk mematuhi bab 86L(1), atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah bab 86Q yang pelanggarannya adalah suatu kesalahan, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan —

(a) dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, jika gagal membayar, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan; dan

(b) dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi \$50 bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya selama mana kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.

(2) Pemungut boleh mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah cerai (1).

(3) Mana-mana orang yang, menurut pematuhan bab 86L(1), mengemukakan kepada Pemungut apa-apa dokumen yang mengandungi apa-apa maklumat, atau memberikan kepada Pemungut apa-apa maklumat, yang diketahui oleh orang itu sebagai palsu atau mengelirukan dalam suatu butir penting —

(a) tanpa menyatakan kepada Pemungut bahawa maklumat itu palsu atau mengelirukan dan bahagian yang palsu atau mengelirukan itu; dan

(b) tanpa memberikan maklumat yang betul kepada Pemungut jika orang itu memiliki, atau dapat memperoleh dengan munasabah, maklumat yang betul,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(4) Jika —

(a) seseorang (*X*), untuk mematuhi suatu peraturan yang disebut dalam bab 86Q(2)(c), meminta orang lain (*Y*) untuk memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh suatu perjanjian yang disebut dalam bab 86Q(1) untuk menubuhkan kediaman *Y* untuk tujuan cukai yang dikehendaki oleh perjanjian itu; dan

(b) *Y*, yang dikatakan memenuhi permintaan itu, memberikan apa-apa maklumat tersebut kepada *X* di mana *Y* tahu adalah palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir penting,

Y adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Jika —

(a) *X*, untuk mematuhi peraturan yang disebut dalam bab 86Q(2)(c), meminta *Y* untuk memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh suatu perjanjian yang disebut dalam bab 86Q(1) untuk menubuhkan kediaman orang lain (*Z*) untuk tujuan cukai yang dikehendaki oleh perjanjian itu; dan

(b) *Z* memberikan apa-apa maklumat sedemikian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, kepada *X* atau *Y* di mana *Z* tahu adalah palsu atau mengelirukan dalam apa-apa butir penting,

Z adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Dalam ceraian (3), sebutan kepada Pemungut termasuk mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pemungut.

Mencegah pengelakan

86N. (1) Jika —

(a) seseorang menyertai apa-apa penyusunan atau mengambil apa-apa tindakan; dan

(b) pada pendapat Pemungut, maksud utama, atau salah satu maksud utama orang itu dalam menyertai penyusunan itu atau dalam mengambil tindakan untuk mengelakkan sebarang kewajipan di bawah, atau untuk memintas pengenaan bab 86L atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah bab 86Q,

maka Pemungut boleh secara bertulis mengarahkan seseorang yang berkaitan bahawa bab 86L atau peraturan itu telah berkuat kuasa berhubung dengan orang yang berkaitan itu seolah-olah penyusunan itu tidak pernah disertai atau tindakan itu tidak pernah diambil, dan bab 86L atau peraturan itu hendaklah dikenakan dengan sewajarnya.

(2) Dalam cerai (1), “orang yang berkaitan” bermakna seseorang yang tertakluk kepada bab 86L atau peraturan, dan yang dianggap oleh Pemungut patut menerima arahan itu.

Kuasa Pemungut untuk mendapatkan maklumat

86O. (1) Bab-bab 55 hingga 55D hendaklah berkuat kuasa bagi maksud membolehkan Pemungut mendapatkan apa-apa maklumat bagi maksud —

(a) mematuhi apa-apa peruntukan suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa;

(b) membolehkan Negara Brunei Darussalam menjalankan kewajibannya di bawah mana-mana peruntukan perjanjian itu; atau

(c) menentukan sama ada seseorang itu telah mematuhi apa-apa peraturan yang dibuat di bawah bab 86Q.

(2) Bagi maksud-maksud cerai (1) —

(a) sebutan dalam bab 55 kepada maksud mendapatkan maklumat penuh berkaitan dengan pendapatan mana-mana orang hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada maksud yang disebut dalam cerai (1);

(b) suatu sebutan dalam bab 55B kepada maksud-maksud Akta ini hendaklah dibaca sebagai maksud yang disebut dalam cerai (1);

(c) sebutan dalam bab 55B kepada prosiding bagi suatu kesalahan terhadap Akta ini, prosiding untuk mendapatkan balik cukai atau penalti dan prosiding dengan cara suatu rayuan terhadap sesuatu taksiran hendaklah dibaca sebagai suatu sebutan kepada prosiding bagi suatu kesalahan terhadap Bahagian ini;

(d) Pemungut boleh membenarkan mana-mana orang yang dilantik atau diberi kuasa di bawah bab 3 (termasuk seseorang pegawai Autoriti Monetari Brunei Darussalam) untuk melaksanakan atau membantu dalam melaksanakan apa-apa kewajipan Pemungut di bawah bab 55, 55A atau 55B; dan

(e) bab 55E berkuat kuasa berhubung dengan suatu notis yang dikeluarkan di bawah bab 55B bagi maksud yang disebut dalam cerai (1).

Maklumat boleh digunakan untuk pelaksanaan Akta itu

86P. Untuk mengelakkan keraguan, apa-apa maklumat yang diberikan atau diperoleh di bawah bab 86L atau 86O boleh digunakan bagi apa-apa maksud yang berkenaan dengan pelaksanaan Akta ini, termasuk penyiasatan atau pendakwaan bagi suatu kesalahan yang dikatakan atau disyaki telah dilakukan di bawah Akta ini.

Peraturan untuk melaksanakan perjanjian pematuhan cukai antarabangsa dsb.

86Q. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan untuk, atau berkenaan dengan, menguatkuasakan atau membolehkan kuat kuasa diberikan kepada —

(a) suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa; atau

(b) mana-mana perjanjian pihak berkuasa yang layak yang mungkin diisytiharkan sebagai suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa di bawah bab 86K(1).

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna cerai (1), peraturan-peraturan di bawah cerai (1) boleh —

(a) menetapkan sebarang apa pun yang mungkin ditetapkan di bawah Bahagian ini;

(b) bagi maksud-maksud bab 86L, menetapkan perihalan maklumat yang berlainan, bentuk dan cara pemberian maklumat itu, dan masa dan kekerapan pemberian maklumat itu, berhubung dengan perjanjian pematuhan cukai antarabangsa yang berlainan, orang-orang yang berlainan atau dalam hal keadaan yang berlainan;

(c) mengenakan ke atas seseorang —

(i) kehendak audit bagi maksud menentukan takat orang itu mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini, termasuk menghendaki juruaudit dalaman orang itu atau melantik orang lain untuk menjalankan audit, dan melaporkan hasil audit itu kepada Pemungut;

- (ii) kehendak usaha yang sewajarnya;
- (iii) pendaftaran dan kehendak lain; dan
- (iv) suatu kehendak supaya orang itu memberitahu Pemungut jika orang itu ingin memberi kuasa kepada orang lain untuk melaksanakan apa-apa kehendak di bawah bab 86L(1) atau perenggan-perenggan kecil (i), (ii) dan (iii) bagi pihak orang itu,

sebagai kehendak yang —

- (A) dikehendaki atau dibenarkan untuk dikenakan di bawah suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa ke atas mana-mana orang yang dikenakan perjanjian itu; atau
- (B) boleh memudahkan pelaksanaan mana-mana perjanjian pihak berkuasa yang layak di masa depan yang boleh diisytiharkan sebagai suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa di bawah bab 86K(1);

(d) memperuntukkan bahawa melanggar apa-apa peruntukan tertentu adalah suatu kesalahan;

(e) membolehkan Pemungut melantik orang lain untuk menjalankan suatu audit bagi maksud menentukan takat seseorang mematuhi peraturan-peraturan yang dibuat di bawah bab ini; dan

(f) mengandungi peruntukan-peruntukan sampingan, peralihan atau perkecualian.

(3) Peraturan-peraturan di bawah ceraian (1) boleh memberi kuasa undang-undang kepada apa-apa peruntukan suatu perjanjian pematuhan cukai antarabangsa, sama ada dengan atau tanpa apa-apa pengubahsuaian.

Kewajipan untuk memberikan maklumat di bawah peraturan-peraturan yang diguna pakai atas tanggungjawab kerahsiaan dsb.

86R. (1) Bab ini dikenakan jika suatu peraturan yang dibuat di bawah bab 86Q mengenakan suatu kewajipan ke atas seseorang (A) untuk —

- (a) memberikan apa-apa maklumat kepada orang lain;

(b) menghendaki juruaudit dalaman *A* atau melantik orang lain untuk menjalankan suatu audit bagi maksud menentukan takat *A* mematuhi peraturan-peraturan itu;

(c) menjalankan apa-apa kehendak dengan usaha yang sewajarnya; atau

(d) memberikan apa-apa maklumat kepada —

(i) juruaudit dalaman *A* atau orang yang dilantik yang disebut dalam perenggan (b); atau

(ii) seseorang yang dilantik oleh Pemungut untuk menjalankan suatu audit.

(2) *A* tidak dikecualikan dari mematuhi suatu kewajipan yang disebut dalam cerai (1) hanya kerana *A* adalah berkewajipan untuk tidak mengumpul, menggunakan atau mendedahkan maklumat itu, sama ada yang dikenakan oleh undang-undang bertulis, kedaulatan undang-undang, apa-apa kontrak atau apa-apa aturan tindakan profesional.

(3) *A* yang dengan suci hati dan dengan ketelitian munasabah melakukan apa-apa perbuatan bagi maksud mematuhi peraturan yang disebut dalam cerai (1) tidak boleh disifatkan sebagai melanggar apa-apa kewajipan yang disebut dalam cerai (2).

(4) Tiada tindakan sivil atau jenayah kerana melanggar apa-apa kewajipan, selain perbuatan jenayah bagi suatu kesalahan di bawah bab 86M (jika berkenaan), diambil terhadap *A* —

(a) kerana mengemukakan apa-apa dokumen atau memberikan apa-apa maklumat jika *A* berbuat demikian dengan suci hati dan dengan ketelitian munasabah mematuhi peraturan yang disebut dalam cerai (1); atau

(b) kerana melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan jika *A* melakukan atau tidak melakukan perbuatan itu dengan suci hati dan dengan ketelitian munasabah dan untuk tujuan atau sebagai akibat mematuhi peraturan yang disebut dalam cerai (1).

(5) Dengan tidak menghiraukan cerai (2), cerai (1) tidak boleh dikenakan kepada apa-apa maklumat tertakluk kepada keistimewaan undang-undang.”

Pindaan lanjut Akta itu

8. Akta itu adalah dipinda dengan memotong “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat” di mana sahaja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan”.

Peruntukan perkecualian

9. Dengan tidak menghiraukan penggantian Bahagian XIVB dari Akta itu oleh bab 6, Bahagian XIVB dari Akta itu yang berkuat kuasa sejurus sebelum tarikh permulaan kuat kuasa bab itu hendaklah terus dikenakan kepada apa-apa hal yang berhubungan dengan pelaksanaan Akta itu, atau suatu permintaan yang dibuat di bawah bab 86D, yang berkaitan dengannya suatu permohonan kepada Mahkamah Tinggi di bawah Bahagian itu telah dibuat sebelum tarikh itu, dan sedang menunggu pada tarikh itu.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 29 haribulan Jun, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM